



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA**



JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

GARIS PANDUAN

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN/PERKHIDMATAN, PROSEDUR,
PERATURAN, STANDARD DAN TATACARA KAWAL SELIA
PEMBERIAN LESEN MELAKSANAKAN
PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN KENDERAAN MOTOR
DAN MENGOPERASIKAN PUSAT PEMERIKSAAN KENDERAAN
MOTOR (PPKM) BAGI PIHAK
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA DI BAWAH AKTA
PENGANGKUTAN JALAN 1987 [AKTA 333]**

Versi 1.0

Tarikh Kemaskini : April 2024

MAKLUMAT PENTING / PERINGATAN

Garis Panduan ini adalah merupakan satu dokumen panduan dan rujukan kepada semua pihak mengenai syarat-syarat kelayakan/perkhidmatan, prosedur, peraturan, standard dan tatacara kawal selia bagi pemberian lesen melaksanakan perkhidmatan dan mengoperasikan pusat pemeriksaan kenderaan motor bagi pihak Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333].

MOT dan JPJ pada bila-bila masa akan mengemaskini mana-mana maklumat yang terkandung di dalam Garis Panduan ini. MOT dan JPJ juga berhak untuk menetapkan lain-lain syarat pelesenan yang tidak terkandung di dalam Garis Panduan ini.

Sila dapatkan maklumat terkini dan rujuk kepada Garis Panduan terkini, serta kepada apa-apa informasi terkini atau pengumuman mengenai apa-apa pindaan atau penambahbaikan kepada mana-mana syarat kelayakan/perkhidmatan, prosedur, peraturan, standard dan tatacara kawal selia berkaitan. MOT tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang isu berbangkit susulan kegagalan mana-mana pihak mendapatkan dan merujuk maklumat terkini berkaitan Garis Panduan ini.

Pelaksanaan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor adalah merupakan suatu skop fungsi dan tanggungjawab di bawah undang-undang (Akta 333). Kegagalan melaksanakan perkhidmatan terbabit dengan mematuhi mana-mana peraturan yang telah ditetapkan akan menyebabkan pihak berkenaan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang termasuk dikenakan hukuman denda dan penjara jika sabit kesalahan berkenaan.

Pemberikuasaan mana-mana orang tidak menjadikan Kerajaan Malaysia bertanggung kepada mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa kecederaan, kerosakan atau kerugian yang disebabkan oleh kegagalan orang yang diberi kuasa atau dilesenkan untuk menjalankan obligasinya di bawah Akta yang berkenaan dengannya caj, fi atau levi diminta, dipungut dan disimpan.

I. LATAR BELAKANG

1. Garis panduan ini mengandungi semua syarat-syarat kelayakan/perkhidmatan, prosedur, peraturan, standard dan tatacara kawal selia bagi **pemberian lesen melaksanakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor dan mengoperasikan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) bagi pihak Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) Di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]**.

2. Maklumat ringkas mengenai skop pemberian lesen tersebut adalah seperti di bawah:-

	Perkara	Maklumat
(1)	Tajuk	Pemberian lesen melaksanakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor dan mengoperasikan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) bagi pihak Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) Di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]
(2)	Tempoh	<ul style="list-style-type: none">• 10 tahun atau pada satu tempoh lain yang akan ditetapkan oleh Menteri Pengangkutan.• Lesen boleh dipertimbangkan bagi tujuan pembaharuan untuk tempoh 5 tahun dan seterusnya, bergantung kepada tahap prestasi pemegang lesen dan pematuhan syarat-syarat lesen.• Lesen boleh digantung, dibatal atau disambung atas keputusan dan budi bicara Menteri Pengangkutan.
(3)	Lokasi Pusat Pemeriksaan	<ul style="list-style-type: none">• Lokasi PPKM akan ditetapkan oleh MOT dari masa ke semasa.• Pemohon boleh mengemukakan lokasi cadangan untuk pertimbangan dan tertakluk kepada kelulusan MOT.
(4)	Punca Kuasa	Pemberian Lesen di bawah Seksyen 126, Akta Pengangkutan Jalan 1987, dikawal selia melalui syarat-syarat lesen.
(5)	Syarat-syarat Pelesenan	<ul style="list-style-type: none">• Lesen yang diberikan adalah tertakluk kepada semua syarat-syarat yang akan ditetapkan oleh Menteri Pengangkutan. Tiada sebarang perundingan akan dibenarkan ke atas mana-mana syarat berkenaan.• MOT/JPJ boleh menetapkan lain-lain syarat Lesen pada bila-bila masa tanpa memerlukan persetujuan daripada mana-mana pihak dan wajib dipatuhi oleh pemegang lesen.• Kuasa penuh Menteri Pengangkutan untuk menggantung atau membatalkan lesen atas sebarang pelanggaran syarat

	Perkara	Maklumat
		<p>yang ditetapkan di dalam Lesen.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan tidak akan boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerugian kewangan yang ditanggung atau sebarang implikasi perundangan yang timbul atau sebarang kes tuntutan di mana-mana Mahkamah dalam atau luar negara, berhubung dengan perkhidmatan yang dijalankan oleh mana-mana pemegang lesen.

3. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah merupakan agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan semua fungsi pengawalseliaan, penyediaan perkhidmatan, pengoperasian dan penguatkuasaan peruntukan serta kewajipan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]. Akta 333 adalah perundangan yang mengawal selia dan menyediakan ketetapan undang-undang merangkumi aspek pembinaan, penggunaan, pendaftaran dan pelesenan kenderaan motor; pendaftaran dan pelesenan pemandu; dan peraturan lalu lintas dengan objektif utama bagi memastikan dan mengawal tahap keselamatan pemanduan dan memastikan tahap *efficiency* sistem pengangkutan di atas jalan raya.

4. Salah satu peruntukan undang-undang yang digariskan di dalam Akta 333 adalah mengenai kewajipan pemeriksaan ke atas kenderaan motor bagi memastikan tahap keselamatan dan *road worthiness* kenderaan motor tersebut, sama ada kenderaan baharu, kenderaan sedia ada, kenderaan yang diubah suai, kenderaan selepas kemalangan dan sebagainya. Aspek *road worthiness* sesuatu kenderaan amat penting bagi memastikan semua kenderaan adalah selamat digunakan di atas jalan raya bagi mengurangkan risiko berlaku kemalangan, kematian dan kecederaan yang disebabkan oleh aspek teknikal kenderaan berkenaan.

5. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah bersetuju supaya pihak-pihak lain yang berkelayakan, memenuhi syarat-syarat ditetapkan dan kompeten untuk dibenarkan melaksanakan fungsi berkaitan pemeriksaan kenderaan motor yang berasaskan kepada suatu kewajipan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] bagi pihak JPJ.

II. OBJEKTIF SPESIFIK

6. Objektif utama tawaran ini adalah:

- (i) Menjemput pihak-pihak yang berkelayakan, mempunyai kemampuan jangka masa panjang dari skop kewangan dan keupayaan teknikal, memenuhi syarat-syarat ditetapkan dan kompeten dalam bidang pemeriksaan kenderaan motor untuk mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pengangkutan

(MOT) berkaitan melaksanakan fungsi pemeriksaan kenderaan motor bagi pihak JPJ; dan

- (ii) Pihak yang berjaya dilantik kelak akan diberi kuasa menjalankan fungsi pegawai pengangkutan jalan dalam skop pemeriksaan kenderaan motor di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] bagi pihak JPJ. Pelaksanaan semua skop perkhidmatan kenderaan motor hendaklah dengan mematuhi semua undang-undang, peraturan, syarat-syarat, garis panduan pengoperasian, prosedur dan standard penyediaan perkhidmatan yang ditetapkan. Sebarang pelanggaran ketetapan tersebut akan boleh menyebabkan pemegang lesen dikenakan penalti yang diperuntukkan di bawah Akta 333 serta syarat lesen, atau digantung atau dibatalkan lesen yang telah diberikan.

7. Ekspektasi MOT dan JPJ ke atas setiap pemohon:

- (i) Mempunyai semua kelayakan terutamanya di peringkat kewangan dan teknikal seperti mana yang akan digariskan di dalam Garis Panduan ini sebelum mengemukakan tawaran;
- (ii) Berupaya melaksanakan semua skop perkhidmatan dalam tempoh masa panjang dengan membuat pelaburan modal dan operasi sendiri, tanpa sebarang suntikan kewangan daripada Kerajaan;
- (iii) Mempunyai kepakaran dalaman dalam bidang perkhidmatan berkaitan dan mampu membangunkan satu standard/prosedur pemeriksaan dalaman berpandukan kepada perundangan / peraturan – peraturan semasa yang ditetapkan oleh JPJ;
- (iv) Memahami dan mampu untuk mematuhi semua peraturan, syarat dan obligasi di bawah Akta 333 dan syarat perkhidmatan kelak, mengambil kira penalti dan denda yang boleh dikenakan sekiranya gagal mematuhi semua peraturan, syarat dan obligasi ditetapkan;
- (v) Memahami sepenuhnya skop-skop perkhidmatan yang wajib dilaksanakan sebelum mengemukakan sebarang tawaran;
- (vi) Berupaya untuk membangunkan infrastruktur dan pusat-pusat pemeriksaan kenderaan motor di lokasi yang ditetapkan;
- (vii) Membuat perolehan peralatan pemeriksaan seperti mana ditetapkan;
- (viii) Menjalankan aktiviti pemeriksaan seperti mana ditetapkan setanding atau

lebih baik daripada perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan pemeriksaan kenderaan pada masa ini;

- (ix) Mematuhi semua syarat-syarat dan peraturan berkaitan pengoperasian pusat dan aktiviti pemeriksaan;
- (x) Memberikan kerjasama yang jitu kepada MOT, JPJ dan pihak-pihak Kerajaan yang lain dan mematuhi serta melaksanakan semua arahan yang akan dikeluarkan dari masa ke semasa;
- (xi) Memberi perkhidmatan yang memenuhi syarat, prosedur, peraturan, tatacara dan tahap kualiti ditetapkan, dan mempunyai kepakaran dalaman yang mampu membangunkan satu standard/prosedur pemeriksaan sendiri berpandukan kepada perundangan / peraturan – peraturan semasa;
- (xii) Mampu memberikan perkhidmatan yang selamat, terkawal, berkualiti dan konsisten kepada pelanggan dengan mengutamakan keselamatan dan keselesaan fasiliti premis; dan
- (xiii) Memenuhi semua skop Garis Panduan serta mematuhi semua peraturan dan undang-undang serta garis panduan Kerajaan berkaitan perkhidmatan ditawarkan.

III. KOMPONEN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN/PERKHIDMATAN, PROSEDUR, PERATURAN, STANDARD DAN TATACARA KAWALSELIA LESEN

8. Mana-mana pihak yang berkelayakan, memenuhi syarat dan kompeten kelak akan diberikan kuasa dan lesen menjalankan fungsi pemeriksaan kenderaan motor di bawah Akta 333. Semua syarat-syarat yang ditetapkan adalah bertujuan memastikan tahap integriti pemeriksaan yang dilaksanakan, memastikan semua pemeriksaan dilaksanakan adalah teratur dan berkualiti serta mematuhi semua prosedur ditetapkan, demi menjamin tahap keselamatan kenderaan dan jalan raya.

9. ADALAH ditekan bahawa Kementerian Pengangkutan (MOT) berhak dan mempunyai kuasa mutlak untuk menetapkan, menambah atau meminda mana-mana atau apa-apa peraturan lesen dari masa ke semasa tanpa memerlukan persetujuan daripada mana-mana pemegang lesen. Semua pemegang lesen adalah wajib mematuhi semua syarat lesen tersebut, atau sekiranya tidak berkemampuan berbuat demikian, lesen akan dibatalkan.

10. Syarat-syarat akan terbahagi kepada tujuh (7) komponen utama seperti di bawah:-

KOMPONEN A : SYARAT KELAYAKAN DAN PERNIAGAAN

Komponen A adalah bertujuan memastikan hanya pihak yang benar-benar berkelayakan, berkemampuan dan mempunyai kompetensi sahaja yang akan diberi lesen. Perkara ini bagi memastikan kelestarian (*sustainability*) perkhidmatan untuk jangka masa panjang serta memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah berintegriti, berkualiti, mematuhi undang-undang dan syarat lesen seterusnya memanfaatkan orang ramai/pelanggan.

Antara syarat-syarat yang akan wajib dipatuhi termasuklah:-

- (i) Pemohon berdaftar dan mempunyai lesen dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan lesen berkenaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan / Pihak Berkuasa yang berkaitan.
- (ii) Terbuka kepada syarikat milik tempatan dalam kategori Sdn. Bhd. atau Berhad.
- (iii) Modal berbayar (*paid up capital*) syarikat sepanjang tempoh perkhidmatan ditetapkan kekal berjumlah RM10 Juta.
- (iv) Mempunyai modal pusingan (*working capital*) sekurang-kurangnya berjumlah RM5 juta setahun bagi tujuan pengoperasian pusat pemeriksaan. Jumlah ini bertujuan memastikan kemampuan pemegang lesen kelak menyediakan perkhidmatan secara tidak terputus.
- (v) Di sepanjang tempoh lesen, pemegang lesen akan dikenakan wang deposit (atau bon) pada kadar minima lima peratus (5%) daripada nilai modal pusingan atau pada suatu kadar lain yang akan ditetapkan. Deposit ini antara lain akan digunakan sekiranya pemegang lesen gagal menyelesaikan bayaran penalti, dan akan perlu ditambah semula sekiranya telah digunakan kepada jumlah asal pada setiap masa.
- (vi) Mempunyai Sijil Perakuan Pematuhan Standard dari Jabatan Standard Malaysia (JSM) dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh lesen dikeluarkan.
- (vii) Mempunyai Sijil Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) dari Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebelum boleh dilesenkan.
- (viii) Berdaftar sebagai ahli *International Motor Vehicle Inspection Committee* (CITA) dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh pelesenan.

- (ix) Pemegang saham / pemilik syarikat / ahli BOD syarikat tiada mempunyai sebarang prosiding atau tindakan Mahkamah atau disenarai hitam oleh mana-mana pihak berkuasa (*criminal, bankruptcy provision*).

KOMPONEN B : SKOP PERKHIDMATAN DAN KADAR FI PEMERIKSAAN

Komponen B menyenaraikan semua skop perkhidmatan yang wajib disediakan oleh pemegang lesen serta kadar fi yang boleh dikenakan dan dikutip oleh pemegang lesen.

Syarat-syarat utama termasuklah:

- (i) Semua pemegang lesen wajib menyediakan semua skop pemeriksaan yang diwajibkan di bawah Akta 333, termasuk apa-apa skop pemeriksaan tambahan yang diarahkan MOT/JPJ pada bila-bila masa dengan menanggung keseluruhan kos terlibat termasuk kos pembelian, penyelenggaraan, penggantian, alat ganti dan kalibrasi peralatan pemeriksaan, kos tenaga manusia, kos operasi pusat pemeriksaan, kos integrasi sistem dan lain-lain kos yang akan ditetapkan oleh MOT.
- (ii) Skop pemeriksaan kenderaan motor yang wajib disediakan adalah seperti di bawah:-

Skop Pemeriksaan Kenderaan Motor	Penerangan
Pemeriksaan Awalan	Pemeriksaan mandatori terhadap semua jenis kenderaan perdagangan bagi tujuan pendaftaran dan pelesenan di JPJ.
Pemeriksaan Berkala	Pemeriksaan mandatori bagi kenderaan perdagangan yang disenaraikan di dalam Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pemeriksaan Berkala, Kelengkapan dan Standard Pemeriksaan) 1995.
Pemeriksaan Semula	Pemeriksaan semula melibatkan kenderaan yang gagal pemeriksaan awalan atau berkala.
Pemeriksaan Khas	Pemeriksaan terhadap apa-apa jenis kenderaan bagi tujuan pendaftaran/pengubahsuaian dan pengemaskinian maklumat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah JPJ. Termasuk pemeriksaan kenderaan kemalangan arahan daripada PDRM atau JPJ.
Pemeriksaan Tukar Hak Milik	Pemeriksaan ke atas kenderaan motor bagi tujuan penukaran hak milik (tidak termasuk motosikal).
Pemeriksaan Kemalangan	Pemeriksaan ke atas kenderaan yang terlibat dengan kemalangan atas permohonan pihak berkuasa.

-
- (iii) Pemegang lesen tidak sama sekali dibenarkan menawarkan perkhidmatan pembaikkan kenderaan motor, pengubahsuaian, penjualan alat ganti dan penjualan kenderaan serta sebarang transaksi yang berkaitannya.
 - (iv) Pemegang lesen hendaklah bebas dan terkecuali daripada sebarang aktiviti rekabentuk, pembuatan, pembekalan, pemasangan, pembaikan, penyelenggaraan, pembelian, penjualan, pemilikan ke atas kenderaan yang diperiksa bagi mengelakkan konflik kepentingan.
 - (v) Kadar fi yang boleh dikenakan bagi pemeriksaan kenderaan motor yang diwajibkan adalah seperti mana kadar fi semasa yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Fi Bagi Pemeriksaan Kenderaan Motor) 2016.
 - (vi) Fi yang dikutip menjadi sumber hasil pemegang lesen.
 - (vii) Kategori kenderaan diwajibkan dan kekerapan pemeriksaan kenderaan motor seperti mana ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pemeriksaan Berkala, Kelengkapan dan Standard Pemeriksaan) 1995.
 - (viii) Pihak Kerajaan (MOT dan JPJ) pada bila-bila masa berhak dan tanpa memerlukan sebarang persetujuan daripada pemegang lesen, untuk mengeluarkan, mengecualikan atau menambah apa-apa kategori atau jenis kenderaan lain yang dikehendaki menjalani pemeriksaan. Pemegang lesen seterusnya hendaklah melaksanakan kategori pemeriksaan yang berkaitan melibatkan kenderaan tersebut.

KOMPONEN C : SYARAT TENAGA MANUSIA

Komponen C adalah bertujuan menetapkan syarat mewajibkan pengambilan serta penggajian tenaga manusia yang berkelayakan, kompeten dan mematuhi undang-undang di bawah Akta 333.

Syarat-syarat utama termasuklah:-

- (i) Kewajipan melantik pemeriksa kenderaan motor yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan di dalam Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Kelayakan Pemeriksa-Pemeriksa) 1994, bebas daripada sebarang rekod jenayah (tapisan keselamatan) dan memperolehi sijil pentauliahan daripada JPJ;
- (ii) Pemeriksa kenderaan adalah disahkan bebas daripada sebarang tindakan tatatertib dan salah laku integriti sekiranya pernah berkhidmat sebagai pemeriksa kenderaan di mana-mana pihak pemegang lesen lain.

-
- (iii) Jumlah kakitangan pemeriksaan mengikut lorong pemeriksaan mengikut persetujuan daripada JPJ;
 - (iv) Jumlah kakitangan sokongan; dan
 - (v) Kewajipan mematuhi undang-undang sumber manusia di Malaysia (KWSP, insurans, PERKESO dsbgnya).
 - (vi) Perincian lanjut adalah seperti di **Lampiran C1**.

KOMPONEN D : SYARAT STANDARD, PUSAT, KELENGKAPAN DAN PERALATAN PEMERIKSAAN

Komponen D menetapkan syarat mengenai skop yang mengawal selia pusat pemeriksaan dan pengoperasiannya, kelengkapan dan peralatan yang wajib digunakan. Semua perkara ditetapkan bertujuan memastikan perkhidmatan dilaksanakan mematuhi standard, peraturan, prosedur dan SOP ditetapkan oleh JPJ.

Syarat-syarat utama termasuklah:

- (i) Waktu operasi : Waktu Kerja Rasmi Negeri, 8am – 5pm. Pihak yang akan diberi lesen kelak boleh memohon pertambahan waktu operasi kepada MOT tertakluk kepada justifikasi yang akan dipertimbangkan dari masa ke semasa.
- (ii) Lokasi pembukaan pusat pemeriksaan adalah di lokasi yang akan ditetapkan oleh MOT. Senarai lokasi akan dikemaskini dari masa ke semasa. Sila rujuk kepada pemakluman di laman web MOT atau JPJ untuk mendapatkan senarai lokasi terkini.
- (iii) Selain daripada lokasi di (ii), pemohon boleh mengemukakan cadangan lokasi lain. Namun, cadangan lokasi ini hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu pasangan di antara lokasi bandar/kawasan tumpuan/kepadatan penduduk tinggi/tumpuan perniagaan dan lokasi di luar bandar/kepadatan penduduk rendah/bukan tumpuan perniagaan. Pasangan lokasi sebegini bertujuan memastikan pemohon hanya memberi tumpuan kepada kawasan yang menguntungkan sahaja dan meninggalkan perkhidmatan di luar bandar kepada pihak lain. Sebarang cadangan lokasi selain dinyatakan di (ii) adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan MOT.
- (iv) Setiap pemohon wajib membangunkan kedua-dua pusat pemeriksaan pada masa serentak, dan memastikan kedua-dua pusat beroperasi pada tempoh masa ditetapkan. Permohonan mengoperasikan kedua-dua pusat akan hanya dinilai bersekali.

-
- (v) Permohonan mengoperasikan unit pemeriksaan bergerak hanya boleh dikemukakan setelah kedua-dua PPKM beroperasi sepenuhnya. Permohonan mengoperasikan unit pemeriksaan bergerak akan tertakluk kepada syarat-syarat yang akan ditetapkan oleh JPJ.
 - (vi) Semua pemegang lesen diwajibkan melaksanakan aktiviti pemeriksaan dengan mematuhi standard, prosedur, SOP dan arahan ditetapkan oleh JPJ pada setiap masa, serta seperti ditetapkan di Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pemeriksaan Berkala, Kelengkapan dan Standard Pemeriksaan) 1995.
 - (vii) Perincian syarat-syarat pembukaan dan pengoperasian Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) adalah seperti di **Lampiran D2**.
 - (viii) Pemegang lesen hendaklah membangunkan Garis Panduan Standard (SOP) dalaman berdasarkan Kaedah, peraturan, standard, prosedur, SOP dan arahan daripada JPJ. Kesemua SOP tersebut perlu mendapat kelulusan JPJ sebelum pengoperasian.
 - (ix) Senarai kelengkapan dan peralatan pemeriksaan yang wajib disediakan adalah seperti ditetapkan oleh JPJ (rujuk **Lampiran D4**);
 - (x) Pemegang lesen boleh mengemukakan cadangan lain-lain peralatan tambahan untuk pertimbangan dan kelulusan oleh JPJ.
 - (xi) Jumlah laluan pemeriksaan akan ditetapkan oleh MOT/JPJ, termasuk laluan kenderaan berat / kenderaan ringan mengikut lokasi.
 - (xii) Pemegang lesen wajib mempunyai perlindungan insuran (aset dan liabiliti) yang berkuatkuasa di sepanjang tempoh lesen (**Lampiran D5**).
 - (xiii) Pemegang lesen wajib mempunyai inisiatif integriti dan mempunyai persijilan kualiti yang akan ditetapkan oleh JPJ (**Lampiran D6**).
 - (xiv) Mematuhi lain-lain syarat pengoperasian pusat pemeriksaan yang akan ditetapkan oleh MOT dan JPJ dari masa ke semasa.

KOMPONEN E : SYARAT SISTEM PEMANTAUAN, PENGURUSAN PELANGGAN, PELAPORAN DAN MAKLUMAT

Komponen E menetapkan syarat yang mengawal selia dan menetapkan proses/prosedur pemantauan, auditan, pengurusan maklumat/rekod dan pelaporan yang wajib dipatuhi oleh pemegang lesen.

Syarat-syarat utama termasuklah:-

-
- (i) Kewajipan kepada pemegang lesen hendaklah membangun, mengoperasi dan menyelenggara sistem-sistem pengoperasian, pemantauan dan pengurusan pemeriksaan kenderaan motor termasuklah:
 - Sistem pengurusan pemeriksaan kenderaan motor;
 - Sistem tempahan pemeriksaan kenderaan ;
 - Sistem pengurusan aduan pelanggan;
 - Sistem pemantauan pemeriksaan melalui CCTV;
 - Sistem pengurusan penyelenggaraan peralatan; dan
 - Lain-lain sistem yang akan ditetapkan keperluannya oleh MOT atau JPJ.
 - (ii) Perincian lanjut adalah seperti di **Lampiran E1**.
 - (iii) Semua sistem yang ditetapkan hendaklah sedia beroperasi sebelum pusat pemeriksaan kenderaan motor boleh mula beroperasi. Semua sistem berkenaan hendaklah diintegrasikan kepada sistem JPJ dan diberi akses sepenuhnya kepada JPJ bagi tujuan pelaporan, pemantauan dan kawal selia.
 - (iv) Semua sistem yang dibangunkan hendaklah disahkan oleh pihak MOT / JPJ untuk memastikan semua sistem tersebut adalah memenuhi keperluan yang telah ditetapkan.
 - (v) Wajib menyediakan laporan pengoperasian pusat dan aktiviti pemeriksaan kenderaan motor (berkala/harian/bulanan/tahunan), Laporan Kewangan/Hasil dalam format yang akan ditetapkan oleh JPJ.

KOMPONEN F : SYARAT KAWAL SELIA PERKHIDMATAN DAN PENALTI

Komponen F bertujuan menetapkan syarat-syarat kawal selia / kawalan perkhidmatan, kaedah auditan dan penalti kepada pemegang lesen.

Syarat-syarat utama termasuklah:-

- (i) Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua tahap penyampaian perkhidmatan / syarat kawal selia perkhidmatan yang ditetapkan oleh MOT / JPJ (**Lampiran F1 dan Lampiran F2**). Syarat kawalan perkhidmatan antaranya melibatkan tempoh pemulihan susulan kepada sebarang kegagalan peralatan atau *downtime* akibat kegagalan sistem, sebarang gangguan kepada bekalan tenaga atau apa-apa perkara luar jangka lain yang mengganggu / memberhentikan operasi perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor.
- (ii) Kegagalan mematuhi mana-mana peraturan, syarat-syarat, prosidur dan garis panduan, akan dikenakan penalti.

-
- (iii) Sebarang kenaikan penalti, pihak pemegang lesen diberi tempoh 14 hari untuk melunaskan pembayaran terbabit. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan lesen digantung atau dibatalkan.
 - (iv) Kegagalan memenuhi syarat terbabit akan akhirnya membawa kepada penggantungan dan/atau pembatalan lesen.
 - (v) Pihak Kerajaan tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian yang akan ditampung oleh pihak pemohon berjaya sekiranya Lesen dibatalkan akibat kepada kegagalan pihak pemohon mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan.
 - (vi) Sistem kawalan peringkat penyampaian perkhidmatan pemeriksaan, pengurusan dan kewangan juga akan ditetapkan oleh MOT/JPJ dari masa ke semasa.
 - (vii) Semua syarat-syarat utama yang mengawal penyediaan perkhidmatan, penalti dan obligasi pemohon akan ditetapkan, dikawalselia dan disenaraikan di bawah syarat-syarat lesen. MOT/JPJ boleh menetapkan lain-lain syarat kawalan perkhidmatan serta penalti dari masa ke semasa di sepanjang tempoh lesen berkuatkuasa.
 - (viii) JPJ akan menjalankan sesi-sesi auditan peringkat tahap perkhidmatan, pematuhan peraturan/syarat pemeriksaan, auditan sistem pengurusan serta lain-lain tujuan auditan ke atas pemegang lesen.

KOMPONEN G : SYARAT FASA PEMBANGUNAN, TEMPOH KERJA, PEMATUHAN PRA-SYARAT DAN SKOP KERJA FIZIKAL

Komponen G menerangkan mengenai semua syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh mana-mana pihak dalam fasa pembangunan sekiranya melepasi saringan awal. Perincian adalah seperti di **Lampiran G**.

11. Menteri Pengangkutan berhak menetapkan lain-lain syarat untuk dipenuhi oleh pihak pemohon atau pemegang lesen dari masa ke semasa tanpa memerlukan sebarang persetujuan daripada mana-mana pihak.

IV. PEMATUHAN KEPADA SEMUA PERATURAN DI TETAPAN DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 [AKTA 333]

12. Semua pemohon juga diingatkan bahawa pelaksanaan perkhidmatan dan fungsi pemeriksaan kenderaan motor adalah dikawal selia oleh Kaedah-Kaedah di bawah Akta 333. Kegagalan melaksanakan perkhidmatan dan fungsi terbabit dengan mematuhi Kaedah-Kaedah yang telah ditetapkan akan boleh menyebabkan pemohon berjaya atau pemegang

lesen dikenakan tindakan yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah dan Akta 333 termasuk dikenakan denda serta hukuman penjara. Antara Kaedah yang berkaitan adalah:-

- (i) Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Kelayakan Pemeriksa-Pemeriksa) 1994;
- (ii) Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pemeriksaan Berkala, Kelengkapan dan Standard Pemeriksaan) 1995.
- (iii) Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Fi Bagi Pemeriksaan Kenderaan Motor) 2016.

V. PEMBERIAN LESEN MENJALANKAN FUNGSI PEGAWAI PENGANGKUTAN JALAN DI PUSAT PEMERIKSAAN KENDERAAN MOTOR (PPKM)

13. Mana-mana pemohon yang berjaya akan diberi kuasa dan diberikan lesen oleh Menteri Pengangkutan untuk menjalankan fungsi pegawai pengangkutan jalan di bawah Akta 333. Dengan pemberian kuasa ini, pihak yang berkenaan akan boleh melaksanakan semua fungsi yang ditetapkan berkaitan pemeriksaan kenderaan motor di PPKM. Syarat-syarat perkhidmatan dan pengoperasian pemeriksaan kenderaan motor akan ditetapkan di bawah lesen yang akan diberi kepada pemohon yang berjaya.

14. Selain Lesen kepada entiti yang diberi kuasa bagi menjalankan fungsi pemeriksaan kenderaan motor, setiap pusat pemeriksaan dan/atau unit pemeriksaan bergerak akan turut dilesenkan. Syarat-syarat tambahan boleh ditetapkan ke atas pemberian lesen bagi pengoperasian unit pemeriksaan bergerak. Sila rujuk pihak JPJ bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkara tersebut.

15. Setiap pemegang lesen akan dikenakan bayaran fi lesen kepada Kerajaan berdasarkan kadar fi lesen ditetapkan seperti berikut:-

	Komponen Fi	Kadar Fi
(i)	Fi bagi setiap permohonan dikemukakan	RM100
(ii)	Fi bagi setiap lesen yang diberikan / setahun <ul style="list-style-type: none">- Bagi setiap entiti yang berjaya, akan diberikan satu lesen induk menjalankan kuasa JPJ.- Setiap satu entiti akan diberikan satu lesen induk.	RM10,000
(iii)	Fi bagi setiap permit pusat pemeriksaan / setahun <ul style="list-style-type: none">- Bagi setiap entiti, setiap PPKM yang akan dioperasikan akan dikeluarkan satu permit.- Fi permit akan dikenakan bagi setiap PPKM.	RM5,000
(iv)	Fi bagi setiap permit unit pemeriksaan bergerak / setahun <ul style="list-style-type: none">- Penjelasan sama seperti di (iii), namun dikenakan kepada setiap unit pemeriksaan bergerak.	RM7,000

16. Fi berkenaan perlu dibayar kepada akaun Kerajaan sebelum **31 Januari** pada setiap tahun. Penalti berjumlah RM1,000 pada setiap hari akan dikenakan kepada mana-mana

pemegang lesen yang gagal berbuat demikian.

VI. KERAJAAN TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB ATAS SEBARANG KERUGIAN ATAU IMPLIKASI PERUNDANGAN

17. Permohonan mendapatkan lesen bagi menjalankan perkhidmatan dan pusat pemeriksaan kenderaan motor adalah merupakan pilihan setiap pemohon sepenuhnya. Pihak pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas setiap permohonan yang dikemukakan.

18. Pemegang lesen juga, dalam menjalankan perkhidmatan dan pusat pemeriksaan, adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya ke atas sebarang obligasi kewangan, tuntutan perundangan, tahap kualiti perkhidmatan, pematuhan undang-undang/peraturan dan syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan.

19. Maka, Kerajaan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, implikasi kewangan atau implikasi perundangan di dalam mana-mana Mahkamah, dalam atau luar negara, susulan kepada pelaksanaan semua perkhidmatan dan pengoperasian pusat pemeriksaan kenderaan motor dan segala aktiviti berkaitan yang ditanggung oleh mana-mana pemohon atau pemegang lesen. Semua implikasi kewangan atau kerugian susulan kepada sebarang kenaikan penalti atau penggantungan atau pembatalan lesen adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemegang lesen.

20. Kerajaan tidak boleh dipertanggungjawabkan dan tidak boleh dilibatkan secara langsung atau tidak langsung ke atas mana-mana tuntutan perundangan atau tuntutan kewangan yang ditanggung oleh pemegang lesen melibatkan mana-mana perjanjian yang dimeterai oleh pemegang lesen atau tuntutan dengan mana-mana pihak lain dalam menjalankan perkhidmatan dan pusat pemeriksaan. Pihak-pihak lain yang dimaksudkan adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pihak pembekal peralatan, institusi kewangan, pihak berkuasa, orang ramai dan mana-mana penyedia perkhidmatan utiliti.

VII. PROSES PERMOHONAN

21. Sebarang permohonan berkaitan tawaran ini akan boleh mula dikemukakan kepada JPJ mulai 1 Jun 2024. Perincian lanjut mengenai proses atau prosedur penghantaran tawaran akan boleh diperolehi sama ada mengakses laman web/saluran media rasmi JPJ.


22. JPJ akan menilai setiap tawaran yang dikemukakan bagi memastikan kelayakan dan kemampuan pihak berminat dalam membangunkan pusat perkhidmatan, menyediakan perkhidmatan berdasarkan prosedur ditetapkan dan memenuhi semua syarat lesen/perkhidmatan. Satu kelulusan interim / bersyarat akan diberikan kepada mana-mana pihak yang telah dinilai berkelayakan, dan akan diperuntukkan sehingga 24 bulan bagi tempoh persiapan dan pembangunan.

23. Pihak JPJ akan memantau secara ketat fasa pembangunan dan persiapan terbabit dan semua pihak akan diwajibkan mengemukakan laporan persediaan secara berkala. Mana-mana pihak yang dalam tempoh masa ini didapati gagal melengkapkan semua proses persiapan akan boleh dibatalkan kelulusan interim tersebut dan tidak akan diberikan lesen bagi tujuan menyediakan perkhidmatan terbabit.

24. Mana-mana pihak yang telah berjaya melengkapkan semua proses pembangunan dan disahkan boleh mula beroperasi oleh JPJ akan diberikan suatu lesen menjalankan fungsi berkenaan untuk tempoh masa **10 tahun** atau tempoh lain yang akan ditetapkan oleh MOT. Tempoh ini boleh dipertimbangkan untuk disambung untuk suatu tempoh lain yang akan ditetapkan kemudian, tertakluk kepada prestasi pemegang lesen. Semua pemegang lesen juga tidak boleh menamatkan operasi di mana-mana lokasi PPKM tanpa kelulusan oleh MOT.

25. Mana-mana pihak yang didapati gagal mematuhi syarat-syarat tersebut akan dikenakan penalti yang berat dan boleh digantung atau dibatalkan lesen yang telah diberikan. Sebarang kerugian akibat penggantungan atau pembatalan lesen, atau sebarang implikasi tuntutan perundangan susulan pelaksanaan perkhidmatan yang tidak teratur akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak yang telah diberikan lesen tersebut.

26. Secara ringkasnya, proses kerja permohonan terlibat adalah seperti di bawah:-



VIII. DOKUMEN ASAS PERMOHONAN

27. Pemohon hendaklah mengemukakan cadangan tawaran yang komprehensif merangkumi semua komponen yang dinyatakan di dalam Garis Panduan ini. Sebagai panduan, antara dokumen yang diperlukan termasuklah:

- (i) Pelan dan jadual pembangunan yang mengariskan/menerangkan mengenai pendekatan pelaksanaan projek;
- (ii) Proses pelaksanaan projek, *project milestone* dan jadual serahan projek;
- (iii) Jadual dan pelan perancangan pengoperasian PPKM;
- (iv) Surat atau dokumen bukti pemilikan lokasi-lokasi yang akan dibangunkan PPKM seperti surat pajakan, dokumen pemilikan tanah/premis;
- (v) Surat sokongan atau kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan perniagaan PPKM di lokasi cadangan;
- (vi) Cadangan Teknikal Non ICT/Fizikal/ M&E yang menyokong projek pembangunan PPKM;
- (vii) Maklumat mengenai bidang kepakaran / keupayaan tenaga kerja pemohon sedia ada, serta pelan perancangan mengenai kaedah pengambilan tenaga kerja berkelayakan bagi melaksanakan semua fungsi pemeriksaan kenderaan motor;
- (viii) Perincian anggaran kos bagi setiap skop perkhidmatan, anggaran model kewangan dan pulangan hasil di sepanjang tempoh Lesen berkuatkuasa / perkhidmatan disediakan;
- (ix) Salinan Surat Sokongan *back-to-back* dengan Prinsipal / pembekal peralatan asal untuk tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun;
- (x) Rekod pengalaman yang berkaitan/seumpama projek ini;
- (i) Maklumat korporat/profil termasuk kedudukan/keupayaan/rekod kewangan pemohon;
- (xi) Cadangan nilai tambah yang bersesuaian bagi projek ini;
- (xii) Salinan Perjanjian/ Surat Sokongan Pihak Pihak Sub-Pembekal dengan Kod Bidang ditetapkan (jika berkaitan);

- (xiii) Cadangan prosedur menangani risiko seperti kelewatan projek, isu-isu pelaksanaan dan risiko kewangan yang terlibat; dan
- (xiv) Dokumen – dokumen lain yang berkaitan bagi menyokong permohonan yang dikemukakan.


28. Pihak Kerajaan berhak untuk mengubah atau menstruktur semula cadangan jadual yang dikemukakan pada bila-bila masa tanpa memerlukan sebarang persetujuan daripada mana-mana pihak.

29. Kementerian Pengangkutan Malaysia tidak akan terikat dengan mana-mana cadangan yang telah dikemukakan dan bebas untuk membuat pindaan pada mana-mana cadangan mengikut kesesuaian, serta tidak terikat untuk menerima mana-mana permohonan atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu permohonan.

30. Kementerian Pengangkutan Malaysia mempunyai hak ke atas kertas cadangan yang dikemukakan dan cadangan yang diterima tersebut tidak akan mengikat Kerajaan dalam apa jua bentuk dengan pemohon. Semua maklumat yang dikemukakan akan disimpan dalam rekod Kerajaan.

IX. PERHUBUNGAN / PERTANYAAN

31. Struktur tadbir urus dalam aspek penilaian, pemantauan dan pemberian lesen adalah seperti berikut:-



32. Pihak yang berminat memohon lesen berkenaan boleh mendapatkan borang permohonan dengan menghubungi pihak JPJ. Semua permohonan, pertanyaan atau sebarang lanjut mengenai perkara ini, pihak berminat boleh menghubungi:-

Pengarah
Bahagian Kejuruteraan Automotif
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia
Aras 5, No 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
Telefon : 03 8892 8107
Fax: 03 8881 0533
Email : hq.ka@jpi.gov.my

33. Semua permohonan hendaklah dikemukakan di dalam Bahasa Melayu kecuali dokumen sokongan yang disediakan oleh syarikat antarabangsa.

-TAMAT-

**LAMPIRAN C1 : SYARAT KEPERLUAN SUMBER MANUSIA /
KOMPETENSI KAKITANGAN PUSAT PEMERIKSAAN KENDERAAN MOTOR**

1. Mana-mana pemohon yang telah berjaya dan diberi lesen (pemegang lesen) untuk menjalankan pemeriksaan kenderaan motor hendaklah mengambil kerja orang yang mempunyai kelayakan dan kompeten sebagaimana ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah di bawah Akta 333 sebagai Pemeriksa Kenderaan Motor (PKM).
2. Orang yang memenuhi syarat-syarat ditetapkan akan dilantik sebagai Pemeriksa Kenderaan Motor (PKM) menjalankan fungsi pemeriksaan kenderaan motor dan yang akan mengeluarkan perakuan pemeriksaan. Pengambilan dan pelantikan PKM adalah di kalangan warganegara Malaysia sahaja.
3. Bagi setiap satu (1) lorong pemeriksaan, pemegang lesen hendaklah menempatkan secara khusus sekurang-kurang satu (1) PKM.
4. Semua PKM yang akan dilantik hendaklah diberikan latihan di fasiliti latihan yang disediakan oleh pemegang lesen mengikut modul yang telah ditetapkan oleh JPJ.
5. Pemeriksa Kenderaan Motor (PKM) adalah wajib menjalani program pengiktirafan/pentaulihan yang akan disediakan oleh JPJ sebelum boleh memulakan tugas di PPKM. JPJ akan mengeluarkan Sijil Kompetensi Pemeriksa Kenderaan Motor kepada kakitangan yang telah menjalani latihan di JPJ. Sijil adalah terhad dan terpakai kepada pemegang lesen yang melantik Pemeriksa Kenderaan Motor itu sahaja.
6. Pemegang lesen juga hendaklah mempunyai pegawai bagi mengawalselia aktiviti operasi pusat pemeriksaan kenderaan dengan jumlah minimum seperti berikut:-
 - (i) 1 orang x Pengurus Pusat Pemeriksaan/Pegawai Kualiti;
 - (ii) 1 orang x Penyelia/Pegawai Operasi/Pegawai Kualiti.

Bagi setiap Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM), Pegawai Kualiti adalah bertanggungjawab mengesah, menyemak, mengaudit dan mengeluarkan perakuan pemeriksaan kenderaan. Kedua-dua jawatan tidak terlibat dalam pemeriksaan kenderaan motor secara harian di lorong.

Pengambilan dan pelantikan dua jawatan di atas adalah di kalangan warganegara Malaysia sahaja.

7. Pemegang lesen hendaklah melantik dan mempunyai keperluan minimum kakitangan sokongan bagi memastikan kelancaran aktiviti operasi pusat pemeriksaan kenderaan iaitu:-

- (i) Kakitangan kaunter/pentadbiran;
- (ii) Kakitangan penyelenggaraan peralatan (juruteknik/eksekutif teknikal);
- (iii) Kakitangan sistem IT (juruteknik/eksekutif); dan
- (iv) Kakitangan sokongan pembersihan, khidmat pelanggan dan sokongan am.

8. Pemegang lesen boleh melantik lain-lain tenaga kerja mengikut kesesuaian operasi PPKM.

9. Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua peraturan undang-undang di Malaysia berkaitan pelantikan/penggajian pekerja termasuk:-

- (i) Penetapan Gaji Minimum (*Minimum Wage*).
- (ii) Caruman KWSP.
- (iii) Caruman Perkeso.
- (iv) Mana-mana peraturan Jabatan Imigresen Malaysia yang berkaitan.

10. Semua kos penggajian dan pelantikan pekerja di PPKM adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemegang lesen.

11. Pemegang lesen hendaklah mengeluarkan perakuan majikan yang menyatakan bekas pemeriksa kenderaan adalah bebas daripada sebarang tindakan tatatertib dan salahlaku integriti jika dimohon oleh mana-mana syarikat lain yang dilesenkan.

**LAMPIRAN D2 : SYARAT PEMBUKAAN
PUSAT PEMERIKSAAN KENDERAAN MOTOR (PPKM)**

- 1) Mana-mana pemohon yang berjaya (pemegang lesen) hendaklah membangun dan mengoperasikan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) hanya di **lokasi yang ditawarkan atau ditetapkan oleh MOT / JPJ**. Tempoh kuatkuasa lesen akan ditetapkan oleh Menteri Pengangkutan sehingga maksima 10 tahun atau pada suatu tempoh lain. Tempoh lesen akan boleh dilanjutkan untuk tempoh 5 tahun dan seterusnya, tertakluk kepada prestasi dan pematuhan peraturan oleh pihak pemegang lesen.
- 2) Di setiap lokasi PPKM, pemohon hendaklah membekal, membangun, memasang, menguji, mentauliah, menyelenggara semua peralatan pemeriksaan kenderaan motor serta menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor, memberi jaminan serta khidmat sokongan teknikal dan mengoperasikan infrastruktur, peralatan pemeriksaan dan sistem pemeriksaan kenderaan motor.
- 3) Pemohon hendaklah membangunkan lorong-lorong pemeriksaan dalam jumlah yang ditetapkan oleh MOT / JPJ mengikut setiap lokasi PPKM. Jumlah lorong pemeriksaan adalah berdasarkan kepada kesesuaian lokasi dan kapasiti serta boleh menawarkan semua jenis/skop perkhidmatan/pemeriksaan yang ditetapkan oleh MOT / JPJ.
- 4) Semua kos pembangunan dan pengoperasian PPKM termasuk membekal, memasang, menguji, menyelenggara, mentauliah, memberi jaminan serta khidmat sokongan teknikal dan mengoperasikan infrastruktur, peralatan pemeriksaan dan sistem pemeriksaan kenderaan motor adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon yang berjaya. Pemohon berjaya juga menanggung semua kos pelantikan dan penggajian semua pekerja yang akan dilantik berkerja di PPKM.
- 4) Pemohon hendaklah mengemukakan bukti pemilikan tanah atau lokasi premis yang akan digunakan sebagai PPKM sama ada dalam bentuk pemilikan tetap, pajakan ataupun sewaan tempoh masa panjang. Pemohon hendaklah membekalkan bukti kepunyaan tanah/premis (milik sendiri atau sewa) serta sokongan, kelulusan atau kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain pihak berkuasa yang berkenaan untuk menjalankan perniagaan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor di premis/lokasi tersebut.
- 5) Lokasi atau premis yang akan dicadangkan hendaklah:-
 - (i) Bebas daripada sebarang sekatan/kaveat atau perkara tidak selesai dan didaftar sebagai kawasan perindustrian/komersil.
 - (ii) Terletak dalam jarak sesuai daripada jalan utama dan mempunyai akses masuk yang tidak akan menyebabkan kesesakan lalu lintas. Kawasan juga

hendaklah selamat dan tidak terletak dalam mana-mana kawasan hitam nahas jalan raya.

- (iii) Di setiap PPKM, pemohon berjaya hendaklah menyediakan ruang menunggu atau tempat letak kenderaan yang mencukupi dan tidak menyumbang kepada kesesakan lalu lintas.
- (iv) Hendaklah memenuhi syarat-syarat asas daripada daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain pihak berkuasa yang berkaitan untuk menjalankan PPKM di lokasi / premis berkenaan.
- (v) Pemohon hendaklah mencadangkan lokasi pusat pemeriksaan sebenar (mengikut lokasi umum yang ditetapkan) untuk semakan dan kelulusan oleh MOT/JPJ dan akan dinilai bagi menentukan kesahihan. MOT/JPJ akan menjalankan sesi semakan / penilaian lokasi yang disyorkan oleh pemohon. Mana-mana lokasi yang tidak sesuai, pihak pemohon akan diminta untuk mengemukakan lokasi baharu sebagai gantian.
- (vi) Sebarang permohonan melibatkan pertambahan, perpindahan dan pengurangan pusat-pusat pemeriksaan adalah tertakluk kepada kelulusan MOT sahaja.

7) Pemohon berjaya hendaklah memastikan semua PPKM berada dalam keadaan fizikal yang baik dan memenuhi standard pengoperasian yang minimum yang akan ditetapkan oleh MOT/JPJ pada setiap masa.

8) Waktu operasi PPKM adalah mulai jam 8 pagi hingga 5 petang pada hari bekerja rasmi mengikut negeri berkenaan. Pemohon berjaya boleh memohon memanjangkan tempoh operasi atau menyediakan perkhidmatan pada waktu hujung minggu atau cuti umum sekiranya telah mendapat kelulusan lebih awal daripada MOT.

9) Setelah semua fasa pembangunan dimuktamadkan, setiap PPKM akan disemak oleh JPJ dan hanya boleh beroperasi setelah mendapatkan kelulusan bertulis daripada MOT / JPJ. Pengoperasian PPKM dan penyediaan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor hanya boleh dimulakan setelah suatu lesen di bawah Akta 333 dikeluarkan kepada pemegang lesen yang berjaya dan satu surat sah (Sijil Pentauliahan) boleh mula beroperasi dikeluarkan ke atas setiap PPKM oleh MOT.

10) Pemohon yang telah diberikan kelulusan interim/bersyarat adalah diwajibkan untuk mengemukakan laporan kemajuan fasa pembangunan pada setiap tiga bulan kepada pihak MOT/JPJ dan perlu bersedia untuk diaudit pada bila-bila masa dengan kos audit (tuntutan elaun perjalanan/penginapan/makan dsbgnya) ditanggung sepenuhnya oleh pihak syarikat.

- 11) Setiap PPKM hendaklah menjalankan semua jenis pemeriksaan yang telah ditetapkan oleh MOT / JPJ.
- 12) Orang ramai atau pelanggan tidak sama sekali dibenarkan berada dalam kawasan, tempat atau lorong pemeriksaan. Orang ramai atau pelanggan hendaklah dipastikan berada di dalam kawasan tempat menunggu yang disediakan sahaja.
- 13) Pemohon yang telah berjaya dilantik kelak, apabila diluluskan menjalankan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor di PPKM, hendaklah:-
- (i) Mempunyai lesen perniagaan PBT (perlu diperbaharui setiap tahun).
 - (ii) Mempunyai kelulusan beroperasi daripada pihak BOMBA.
 - (iii) Wajib membayar Cukai Tanah/Cukai Taksiran dan lain-lain cukai yang berkaitan.
 - (iv) Menjalankan perniagaan / perkhidmatan PPKM dengan mematuhi lain-lain syarat yang ditetapkan oleh lain-lain pihak berkuasa yang berkaitan.
- 14) Setiap PPKM hendaklah turut menyediakan kemudahan-kemudahan untuk pelanggan dalam jumlah, ruang dan rekaan yang mencukupi, tetapi tidak terhad kepada, fasiliti yang disenaraikan di bawah:-
- (i) Tandas lelaki dan tandas perempuan;
 - (ii) Ruang solat;
 - (iii) Ruang menunggu dan rehat;
 - (iv) Ruang makan; dan
 - (v) Kaunter operasi dan perhubungan dengan pelanggan.
- 15) Semua fasiliti atau kemudahan di atas akan disemak terlebih dahulu oleh MOT / JPJ dan lesen akan hanya diberikan sekiranya MOT / JPJ berpuas hati dengan kualiti penyediaan fasiliti atau kemudahan terlibat.
- 16) Pihak MOT/JPJ boleh pada bila-bila masa boleh mengeluarkan arahan bagi penambahbaikan pengoperasian perkhidmatan di PPKM berdasarkan keperluan dan situasi semasa.

LAMPIRAN D4 : SYARAT KELENGKAPAN DAN PERALATAN PEMERIKSAAN

1. Perincian mengenai jenis peralatan pemeriksaan yang wajib di PPKM hendaklah meliputi sekurang-kurangnya tetapi tidak terhad kepada berikut:
 - (i) Penguji gelincir sisi;
 - (ii) Penguji brek;
 - (iii) Penganalisa gas;
 - (iv) Opacimeter;
 - (v) Penguji lampu puncak;
 - (vi) Pengesan gandar lari (*axle play detector*);
 - (vii) Penguji gantungan;
 - (viii) Penguji meter teksi/speedometer;
 - (ix) Penguji ketebalan tayar;
 - (x) Penguji ketelusan cahaya cermin;
 - (xi) Penguji tahap integriti badan kenderaan perdagangan;
 - (xii) Penimbang berat kenderaan;
 - (xiii) Peralatan / sistem automasi pengukuran dimensi kenderaan; dan
 - (xiv) Peralatan pengujian sistem kenderaan elektrik (Rechargeable Energy Storage System, RESS UNR100).
2. Di sepanjang tempoh lesen berkuatkuasa, MOT/JPJ berhak mengarahkan pemegang lesen untuk menyediakan dan mengoperasikan lain-lain peralatan tambahan mengikut keperluan perkhidmatan pada masa tersebut. Pemegang lesen hendaklah mengambil semua langkah untuk menyediakan dan mengoperasikan peralatan tambahan mengikut tempoh masa persediaan yang akan ditetapkan.
3. Semua peralatan yang akan digunakan bagi pelaksanaan pemeriksaan terlibat hendaklah mematuhi standard dan spesifikasi serta dibekalkan oleh pembekal asal yang berdaftar dengan *International Motor Vehicle Inspection Committee* (CITA).
4. Pemohon boleh mencadangkan jenis peralatan lain yang mempunyai fungsi sama seperti di perenggan 1 untuk pertimbangan lanjut MOT/JPJ.
5. Pemohon hendaklah memberi penekanan kepada penggunaan peralatan yang mempunyai komponen automasi tertinggi dalam aspek pemeriksaan dan penghasilan laporan.
6. Pemohon hendaklah mengemukakan surat persetujuan pembekalan peralatan daripada pihak pembekal, profil pembekal asal peralatan dan spesifikasi peralatan pemeriksaan semasa mengemukakan permohonan. Mana-mana pemohon berjaya, sebelum boleh mula membekalkan peralatan terbabit, hendaklah mendapatkan

kelulusan bertulis daripada pihak JPJ.

7. Pemohon hendaklah mengemukakan pelan syor susunan peralatan di lorong yang akan dibina semasa mengemukakan permohonan.

8. Setiap peralatan pemeriksaan perlu memperolehi kelulusan *Factory Acceptance Test* (FAT) oleh JPJ dengan kos ditanggung sepenuhnya oleh pihak syarikat yang akan melibatkan seorang pegawai MOT dan dua (2) orang pegawai teknikal JPJ.

9. Peralatan pemeriksaan yang mana berkaitan, hendaklah mendapat Kelulusan Rekabentuk (*Pattern Approval*) daripada Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan (MSPK) atau pihak berkuasa kompeten berkaitan dan lulus ujian-ujian lain yang ditetapkan oleh undang-undang domestik dan peraturan Kerajaan.

10. Setelah dibekalkan, proses pengujian dan penentukuran di lokasi PPKM bagi semua peralatan pemeriksaan hendaklah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Kompeten (PBK) dan JPJ dengan semua kos (tuntutan elaun perjalanan/penginapan/makan dan sebagainya) ditanggung oleh pihak syarikat.

11. Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua prosedur dan ketetapan berkaitan kewajipan untuk menguji dan menentukur kelengkapan dan peralatan pemeriksaan seperti ditetapkan di Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pemeriksaan Berkala, Kelengkapan dan Standard Pemeriksaan) 1995 serta mematuhi standard dan peraturan berkaitannya yang ditetapkan oleh badan-badan pentauliahan dan yang berkuasa di peringkat domestik.

12. Pemegang lesen hendaklah memastikan semua peralatan pemeriksaan ditentusah, ditentukur, dikalibrasi dan diselenggara mengikut jadual ditetapkan oleh pembekal peralatan asal dengan semua kos ditanggung oleh pemohon berjaya. Semua peralatan pemeriksaan hendaklah dipastikan berada dalam keadaan terbaik pada setiap masa beroperasi mengikut tahap standard peralatan pemeriksaan tertinggi seperti ditetapkan oleh pembekal peralatan asal (OEM).

13. Pemegang lesen hendaklah melaksanakan penggantian peralatan pemeriksaan di akhir hayat mengikut jadual seperti mana ditetapkan oleh pembekal peralatan asal dengan kos ditanggung pemohon.

14. Semua jenis peralatan pemeriksaan yang dicadangkan hendaklah merupakan model yang terkini. Alat ganti dan komponen peralatan pemeriksaan juga mestilah masih sah dan disokong oleh Prinsipal / pembekal peralatan asal serta boleh beroperasi untuk sekurang-kurangnya lima (5) tahun daripada tarikh mula dioperasikan.

15. Semua peralatan pemeriksaan perlu dilengkapi dengan insurans bagi menanggung kos baik pulih peralatan yang tidak berfungsi disebabkan kemalangan,

vandalisme, bencana alam, kerosakan luar jangka dan lain-lain sebab berkaitan sepanjang tempoh kontrak.

16. Peralatan pemeriksaan yang di pasang di setiap laluan perlulah berfungsi sepenuhnya sebagai satu sistem lengkap di sepanjang tempoh pengoperasian.

17. Di sepanjang tempoh pengoperasian pusat pemeriksaan kenderaan, pemohon berjaya perlu memastikan semua peralatan pemeriksaan mempunyai sijil kalibrasi yang sah di sepanjang tempoh kontrak. Sijil kalibrasi yang sah adalah berdasarkan keperluan undang-undang dan prosedur kalibrasi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di peringkat domestik.

18. Sebarang kerosakan peralatan yang mengakibatkan gangguan operasi pemeriksaan dan ketidakpatuhan tentukan peralatan akan dikenakan penalti sepertimana ketetapan SLA Teknikal/Perkhidmatan (Lampiran F2).

**LAMPIRAN D5 : SYARAT KEWAJIPAN PERLINDUNGAN INSURAN
(ASET DAN LIABILITI)**

1. Pemohon berjaya hendaklah mengambil dan memastikan terdapatnya perlindungan insurans merangkumi Polisi Semua Risiko (All Risk Policy) meliputi skop berikut: Bahaya Kebakaran, Kesan kerosakan, banjir, ribut, kilat, pesawat udara atau apa-apa yang jatuh daripadanya, objek udara, rusuhan dan kekecohan awam dan risiko lain seperti yang boleh diinsuranskan secara berhemat terhadap projek-projek yang serupa untuk **nilai penggantian penuh** (*replacement value*) Pusat Pemeriksaan dan termasuk perlindungan untuk semua barangan, peralatan, bahan, tumbuhan dan barang-barang lain yang diperlukan untuk Pusat (bukan loji kontraktor, peralatan dan alat perdagangan) termasuk, tetapi tanpa had apabila mereka dalam perjalanan ke pusat pemeriksaan.

2. Selain itu, pihak pemohon berjaya juga hendaklah mengambil perlindungan insurans meliputi:-
 - (i) Insuran Liabiliti Awam (Public Liability);
 - (ii) Insuran Peralatan dan Mesin;
 - (iii) Wang – Tunai dalam Perjalanan & Simpanan;
 - (iv) Liabiliti Majikan;
 - (v) Insuran Jaminan Kesetiaan (Fidelity Guarantee); dan
 - (vi) Gantirugi Professional (Professional Indemnity).

3. Semua perlindungan insurans di atas hendaklah berkuatkuasa pada setiap tahun di sepanjang tempoh perkhidmatan pemeriksaan dilaksanakan atau mengikut tempoh Lesen berkuatkuasa.

4. Pihak Kerajaan tidak akan bertanggungjawab, atau boleh dipertanggungjawabkan dalam mana-mana Mahkamah di Malaysia mahupun di luar Malaysia, dalam apa-apa proses tuntutan perundangan ataupun tuntutan kewangan di atas sebarang kecelakaan, kemalangan, insiden, kematian, kecederaan atau kerugian di atas apa-apa penyediaan perkhidmatan yang disediakan oleh pemohon kepada orang ramai / pelanggan secara langsung mahupun tidak langsung, secara nyata atau tidak nyata. Semua risiko terlibat susulan kepada penyediaan perkhidmatan terbabit adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon / pemegang lesen.

**LAMPIRAN D6 : SYARAT TAHAP INTEGRITI DAN TADBIR URUS SERTA JAMINAN
KUALITI PEMERIKSAAN MELALUI AKREDITASI**

1. Pemohon berjaya hendaklah memperolehi atau mempunyai sekurang-kurangnya satu inisiatif budaya integriti yang tinggi dan anti rasuah melalui proses persijilan *ISO MS 37001 : Sistem Pengurusan Anti Rasuah* dan *CIP V2.0 (Program di bawah CISM)* dalam tempoh 1 tahun dari kelulusan lesen diberikan.

2. Pemohon berjaya hendaklah memperolehi persijilan ISO untuk menjamin kualiti perkhidmatan pemeriksaan seperti berikut:-
 - (i) *MS ISO 9001: 2015* Quality management systems Requirements*
 - Dalam tempoh maksima 1 tahun daripada tarikh kelulusan lesen diberikan.

 - (ii) *MS ISO 17020 : 2012* Conformity assessment Requirements for the operation of various types of bodies performing inspection;*
 - Dalam tempoh maksima 2 tahun daripada tarikh kelulusan lesen diberikan.

 - (i) *Pensijilan MS ISO 27001: 2022* Information security, cybersecurity and privacy protection Information security management systems Requirements.*
 - Dalam tempoh maksima 1 tahun daripada tarikh kelulusan lesen diberikan.

3. Pemohon berjaya, sekiranya tiada mempunyai persijilan di atas pada waktu mengemukakan tawaran, wajib memperolehi persijilan terbabit dalam tempoh masa ditetapkan seperti di atas. Lesen yang telah diberikan boleh digantung atau dibatalkan sekiranya pihak pemohon gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan.

4. Sebarang ketidakpatuhan terhadap syarat tahap integriti dan tadbir urus serta jaminan kualiti pemeriksaan melalui akreditasi akan dikenakan penalti sepertimana ketetapan SLA Teknikal/Perkhidmatan (Lampiran F2).

LAMPIRAN E1 : SYARAT SISTEM PENGOPERASIAN, PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PEMERIKSAAN KENDERAAN MOTOR

1. Pemohon yang berjaya hendaklah membangun, mengoperasikan dan menyelenggara sistem-sistem pengoperasian, pemantauan dan pengurusan pemeriksaan kenderaan motor yang merangkumi sistem-sistem berikut:

(a) Sistem Pengurusan Pemeriksaan Kenderaan Motor (SPPKM)

- (i) SPPKM adalah merupakan sistem yang akan merekodkan semua aktiviti pemeriksaan kenderaan motor termasuklah maklumat pemilik dan maklumat/rekod kenderaan yang menjalani pemeriksaan. Semua rekod pemeriksaan hendaklah disimpan di dalam sistem untuk tempoh minima **tujuh (7) tahun. Sejarah pemeriksaan awalan kenderaan motor pula hendaklah disimpan untuk suatu tempoh tidak terhad.**
- (ii) SPPKM berkeupayaan merekodkan maklumat pemeriksaan kenderaan secara automatik di setiap lorong pemeriksaan kenderaan yang dibangunkan di PPKM dengan diintegrasikan dengan peralatan-peralatan berkomputer yang dipasang di setiap lorong.
- (iii) SPPKM hendaklah diintegrasikan dengan sistem di JPJ (MySIKAP) dengan menghubungkan maklumat pendaftaran kenderaan motor, keputusan pemeriksaan kenderaan motor.
- (iv) Sistem ini hendaklah menyediakan antara muka pengaturcaraan aplikasi (API) untuk tujuan integrasi.
- (v) Semua kos pembangunan, pengoperasian, penyelenggaraan dan integrasi sistem ditanggung sepenuhnya oleh pemohon berjaya.
- (vi) Merekodkan semua maklumat kenderaan yang akan ditetapkan oleh JPJ. Berkeupayaan merekod dengan tepat semua maklumat pemeriksaan kenderaan.
- (vii) Berkeupayaan untuk mengukur dan merekodkan semua elemen/skop/kategori pemeriksaan menggunakan peralatan pemeriksaan berkomputer, automatik atau peralatan konvensional dengan tepat apabila kenderaan melalui lorong-lorong pemeriksaan di PPKM.
- (viii) Berkeupayaan menyimpan semua maklumat/rekod pemeriksaan bagi tujuan semakan sekiranya berlaku masalah teknikal penghantaran maklumat ke *back-end system*. Pemohon hendaklah memastikan ruang storan yang mencukupi untuk menyimpan maklumat/rekod tersebut.

- (ix) Keputusan pemeriksaan hendaklah dikemukakan ke sistem JPJ dalam tempoh masa sebenar dari tempoh tamat keseluruhan pemeriksaan pada hari sama bagi setiap kenderaan yang menjalani pemeriksaan kecuali atas sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan dan dipersetujui oleh Kerajaan.
- (x) Berkeupayaan menyediakan format data selaras dengan format ditetapkan oleh Kerajaan dan pihak MOT/JPJ.
- (xi) Sistem hendaklah berupaya menyediakan ciri-ciri arkib yang fleksibel secara automatik dan manual (mengikut keperluan) dan berupaya menyediakan kaedah carian untuk bahan yang diarkib.
- (xii) Berkeupayaan menyediakan format data dalam bentuk *Write One Read Many* (WORM) apabila dihantar ke *back-end system*.
- (xiii) Mestilah dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan termasuk *encryption* dan *decryption* dengan *Private/Public Key Infrastructure* (PKI) yang dikawal oleh Kerajaan.
- (xiv) Mestilah dilengkapi dengan rangkaian *wireless* dan *redundancy* dengan kapasiti yang mencukupi bagi tujuan penghantaran data ke *back-end system*.
- (xv) Berkeupayaan menyediakan integrasi secara terus dengan sistem JPJ bagi rujukan silang maklumat di *front-end system* sekiranya diarahkan oleh Kerajaan.
- (xvi) Berkeupayaan merekod/merakamkan sekurang-kurangnya tetapi tidak terhad kepada maklumat berikut:
 - Imej kenderaan yang jelas mengikut ketetapan JPJ;
 - Tarikh, masa dan lokasi kenderaan pemeriksaan;
 - Berat keseluruhan kenderaan yang ditimbang;
 - Bilangan gandar kenderaan yang ditimbang;
 - Berat setiap gandar yang ditimbang;
 - Jarak *wheel base* dan *axle spread* kenderaan yang ditimbang;
 - Semua maklumat bacaan daripada semua peralatan pemeriksaan di setiap lorong.
 - Rekod pemeriksaan.
- (xvii) Sistem yang dibangunkan mestilah fleksibel dan boleh memproses dan merekodkan maklumat pemeriksaan daripada pelbagai jenis jenama dan model peralatan pemeriksaan oleh pelbagai pembekal peralatan asal.

- (xviii) *Encrypted* data perlu *decrypt* untuk proses selanjutnya di sistem dan *back-end system* JPJ.
- (xix) Keputusan pemeriksaan hendaklah dijana dan dikeluarkan secara masa sebenar kepada pemilik kenderaan setelah proses pemeriksaan tamat.
- (xx) Sistem yang dibangunkan hendaklah boleh menyediakan lain-lain modul atau sebarang keperluan tambahan yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, MOT atau JPJ.
- (xxi) MOT dan JPJ diberi akses sepenuhnya kepada sistem tersebut pada bila-bila masa.
- (xxii) Semua data berkaitan pemeriksaan kenderaan adalah milik Kerajaan dan perlu dipastikan tahap kawalan tertinggi.
- (xxiii) Sistem ini hendaklah berupaya menyediakan laporan dan statistik mengikut keperluan yang akan ditetapkan, hendaklah menjana laoran dan statistik secara harian, mingguan, bulanan dan setiap tahun. Berupaya menjana laporan secara automatik dan manual (mengikut keperluan) dan hendaklah menjana, mencetak dan mengeksport laporan.
- (xxiv) Pemprosesan data di *back-end system* meliputi tetapi tidak terhad kepada:
- Penjanaan rekod pemeriksaan bagi setiap kenderaan;
 - Menjana dan mengeluarkan sijil pemeriksaan kenderaan kepada pemilik-pemilik kenderaan;
 - *Digital Signing*;
 - Merekod, menjana dan menyimpan Sijil Kalibrasi / Tentukuran peralatan;
 - Penghantaran rekod dan keputusan pemeriksaan secara digital kepada Pemilik Kenderaan (e-mel, notifikasi aplikasi mudah alih JPJ dan lain-lain medium yang ditetapkan Kerajaan);
 - Mencetak dan menghantar salinan keputusan pemeriksaan (jika perlu);
 - Laporan dan *dashboard* pemprosesan rekod-rekod pemeriksaan (Versi Web dan Aplikasi Mudah Alih);
 - Repositori rekod pemeriksaan kenderaan.
 - Laporan dan dashboard kutipan hasil terperinci dan keseluruhan fi pemeriksaan kenderaan.
- (xxv) SPPKM hendaklah mempunyai keupayaan untuk diakses dalam tempoh masa sebenar di lokasi PPMD, di MOT dan di JPJ, melalui satu sistem pemantauan SPPKM yang bersepadu dengan semua kos (penyediaan

peranti) ditanggung sepenuhnya oleh pemegang lesen.

- (xxvi) SPPKM perlu dibangunkan dengan keupayaan penjana maklumat secara *business intelligence* bagi tujuan pengumpulan data, laporan dan maklumat yang lebih dinamik.
- (xxvii) Sistem ini juga perlu menyediakan kemudahan semakan maklumat dan rekod pemeriksaan kenderaan motor.
- (xxviii) Saluran komunikasi *broadband/fixed line* yang khusus dan selamat perlu disediakan yang menghubungkan SPPKM dengan mySIKAP.
- (xxix) Sistem ini hendaklah fleksibel dan boleh dinaik taraf untuk keperluan perubahan pada masa akan datang dan akan ditanggung oleh pemohon.
- (xxx) Sistem ini hendaklah menyokong kebanyakan jenis sistem operasi tetapi tidak terhad kepada, Windows 10, Ubuntu, Fedora Linux, Android, iOS dan lain-lain, menyokong sistem operasi 32-bit dan 64-bit, hendaklah menyokong kebanyakan jenis pelayar internet tetapi tidak terhad kepada, Microsoft Edge, Mozilla Firefox, Google Chrome dan Safari. Ia akan menyokong versi pelayar terkini serta sekurang-kurangnya tiga (3) versi utama sebelumnya dan hendaklah serasi dengan kedua-dua IPv4 dan IPv6.

(b) Sistem Tempahan Pemeriksaan Kenderaan

- (i) Pemohon hendaklah membangun, menyedia dan mengoperasikan sistem tempahan pemeriksaan kenderaan kepada pelanggan secara atas talian sepenuhnya, boleh diakses melalui i aplikasi mudah alih JPJ, laman web dan lain-lain medium yang ditetapkan Kerajaan.
- (ii) Sistem tempahan hendaklah disediakan secara atas talian sepenuhnya. Semua perhubungan dengan mengenai maklumat tempahan dilaksanakan secara atas talian sama ada melalui email, aplikasi telefon pintar atau lain-lain medium yang bersesuaian.
- (iii) Semua tempahan hendaklah mendapat slot pemeriksaan dalam tempoh tiga hari bekerja.
- (iv) Pemohon berjaya hendaklah menguruskan sistem tempahan mengikut Garis Panduan Tempahan Perkhidmatan yang dibangunkan oleh pemegang lesen dan akan ditetapkan oleh MOT dan JPJ dari masa ke semasa.
- (v) Semua data berkaitan tempahan hendaklah disimpan dalam sistem

simpanan (database) untuk tempoh 14 hari dari tarikh tempahan direkod di dalam sistem tersebut.

(c) SISTEM PENGURUSAN ADUAN PELANGGAN

- (i) Pemohon hendaklah membangun, menyedia dan mengoperasikan sistem pengurusan aduan bagi pelanggan mengemukakan sebarang aduan, pertanyaan, maklum balas atau cadangan berkaitan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor yang disediakan.
- (ii) Sistem hendaklah berupaya merekod dan menyimpan semua aduan, pertanyaan, maklum balas atau cadangan daripada pelanggan.
- (iii) Pemohon berjaya hendaklah menguruskan semua aduan, pertanyaan, maklum balas atau cadangan mengikut Garis Panduan Pengurusan Pelanggan yang dibangunkan oleh pemegang lesen dan disahkan oleh MOT dan JPJ, termasuk mengenai tempoh masa bagi menguruskan sesuatu aduan, pertanyaan, maklum balas atau cadangan.
- (iv) Semua perhubungan dengan mengenai aduan, pertanyaan, maklum balas atau cadangan dilaksanakan secara atas talian sama ada melalui email, aplikasi telefon pintar atau lain-lain medium yang bersesuaian dengan pelanggan.
- (v) Semua data berkaitan aduan, pertanyaan, maklum balas atau cadangan hendaklah disimpan dalam sistem simpanan (database) untuk tempoh 14 hari dari tarikh aduan, pertanyaan, maklum balas atau cadangan direkod di dalam sistem tersebut.

(d) SISTEM PEMANTAUAN CCTV DI PPM D

- (i) Pemohon hendaklah membangun, menyedia dan mengoperasikan sistem pemantauan kamera tertutup (CCTV) bagi merekodkan semua aktiviti pemeriksaan di PPM D.
- (ii) Sistem CCTV hendaklah merekodkan dan merakamkan dengan jelas semua aktiviti pemeriksaan dan persekitarannya termasuk imej-imej kenderaan (dari semua sisi) bagi mengecam Nombor Pendaftaran Kenderaan dan maklumat binaan badan kenderaan, di pit-pit pemeriksaan dan pergerakan pemeriksaan oleh pekerja pemeriksa kenderaan menggunakan teknologi kamera dan kualiti rakaman terkini.
- (iii) Semua data rakaman CCTV berkaitan aduan, pertanyaan, maklum balas

atau cadangan hendaklah disimpan dalam sistem simpanan (database) untuk tempoh pemeriksaan direkod di dalam sistem tersebut.

- (iv) Sistem CCTV hendaklah mempunyai keupayaan untuk diakses dalam tempoh masa sebenar di lokasi PPMD, di MOT dan di JPJ, melalui satu sistem pemantauan CCTV yang bersepadu dengan semua kos (penyediaan peranti) ditanggung sepenuhnya oleh pemegang lesen.

(e) Sistem Pengurusan Penyelenggaraan Peralatan

- (i) Pemegang lesen hendaklah membangun, menyedia dan mengoperasikan sistem pengurusan penyelenggaraan peralatan yang berintegriti bagi memantau dan merekodkan semua aktiviti penyelenggaraan peralatan seperti penyelenggaraan berjadual, tentukuran, kerosakan, pembaikan, *downtime* dan sebagainya.
- (ii) Sistem hendaklah mempunyai keupayaan untuk diakses dalam tempoh masa sebenar di lokasi PPKM, MOT dan JPJ, melalui satu sistem pemantauan SPPKM yang bersepadu dengan semua kos (penyediaan peranti) ditanggung sepenuhnya oleh pemegang lesen.

2. Sistem yang dibangunkan hendaklah boleh menyediakan lain-lain modul atau sebarang keperluan tambahan yang akan ditetapkan oleh Kerajaan, MOT atau JPJ.

3. MOT dan JPJ diberi akses sepenuhnya kepada semua sistem terlibat pada bila-bila masa.

4. Semua sistem terlibat hendaklah menjana laporan harian, bulanan dan tahunan atau mengikut apa-apa tempoh masa yang akan ditetapkan oleh MOT dan JPJ. Laporan harian, bulanan dan tahunan hendaklah dikemukakan kepada MOT dan JPJ.

5. Semua data berkaitan pemeriksaan kenderaan adalah milik Kerajaan dan perlu dipastikan tahap kawalan tertinggi, dengan mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkaitannya di Malaysia yang masih berkuatkuasa. Pemohon berjaya hendaklah memastikan semua data dan maklumat terpelihara dan tidak terlepas kepada pihak ketiga atau digunakan bagi tujuan selain daripada yang dibenarkan di bawah skop pemeriksaan kenderaan motor dengan pihak MOT dan JPJ sahaja.

6. Integrasi dengan sistem-sistem JPJ perlu dilaksanakan semasa proses penjanaan notis saman bagi memastikan data yang diproses adalah tepat dan membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil.

LAMPIRAN F1 : SYARAT PENCAPAIAN TAHAP PERKHIDMATAN DITETAPKAN DAN AUDITAN OLEH JPJ

1. Pemegang lesen berjaya, di sepanjang tempoh menjalankan perkhidmatan, hendaklah mematuhi semua tahap penyampaian perkhidmatan yang ditetapkan oleh MOT dan JPJ. Syarat kawalan perkhidmatan yang dimaksudkan antaranya melibatkan tempoh pemulihan susulan kepada sebarang kegagalan peralatan atau *downtime* akibat kegagalan sistem, sebarang gangguan kepada bekalan tenaga atau apa-apa perkara luar jangka lain yang mengganggu atau memberhentikan operasi perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor di PPKM.
2. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat kawalan perkhidmatan akan menyebabkan penalti boleh dikenakan, serta menyebabkan lesen digantung atau dibatalkan.
3. Syarat kawalan perkhidmatan dan kadar penalti bagi penyediaan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor adalah seperti di **Lampiran F2**. MOT atau JPJ pada bila-bila masa boleh meminda syarat kawalan perkhidmatan dan kadar penalti sama ada menambah peruntukkan baharu, meminda atau membuang mana-mana syarat kawalan perkhidmatan tanpa memerlukan persetujuan daripada pihak pemegang lesen.
4. Semua syarat-syarat utama kawalan perkhidmatan, penalti dan obligasi pemegang lesen akan ditetapkan, dikawalselia dan disenaraikan di bawah Lesen yang akan diberikan kepada pemohon berjaya.
5. Pihak JPJ atau MIROS akan menjalankan sesi-sesi auditan peringkat tahap perkhidmatan, pematuhan peraturan/syarat pemeriksaan, auditan sistem pengurusan serta lain-lain tujuan auditan bagi memastikan pemegang lesen mematuhi semua syarat dan peraturan ditetapkan dan menjalankan perkhidmatan dengan mencapai sasaran tahap perkhidmatan.
6. Pemegang lesen adalah dikehendaki memberi kerjasama dan menyediakan akses sepenuhnya kepada semua sistem dan dokumen serta membenarkan JPJ memasuki premis PPKM pada masa-masa auditan dilaksanakan.
7. Semua pemegang lesen juga hendaklah mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan di bawah **Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pengawalseliaan Pusat Pemeriksaan Kenderaan) 2024**. Sebarang pelanggaran peraturan tersebut, pihak pemegang lesen boleh diambil tindakan di bawah Akta 333 di mana berkaitan.

LAMPIRAN F2 : SYARAT KAWALAN PERKHIDMATAN SKOP TEKNIKAL / PERKHIDMATAN DAN PENALTI

	SCOPE	MEASUREMENT / INSTRUMENT	PENALTY
1.	To ensure minimal downtime of Inspection Equipment - to avoid service disruption and ensure high quality of services to customer, and to ensure sustainability of services.	<p>(i) To monitor, record downtime and any failure of inspection equipment.</p> <p>(ii) Ensure timely recovery from any downtime or equipment failure.</p> <p>Mechanism: Recorded by Licensee:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Through automation/system, record any/all downtime occurrences. • Recovery process / intervention to be reported to JPJ directly. • Record to be submitted to JPJ daily/weekly/monthly (raw data in softcopy and summary of the result in hardcopy). <p>Assessment:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Audit by JPJ, verify downtime record in real-time for all centre through system. • Periodical audit by MIROS. <p>Instrument: Maintenance records for all equipment (via system and hardcopy).</p>	<p>Downtime for each equipment:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM500 of more than 8 working hours. • Additional RM500 for every 1 working hours continuous delay for each equipment. • Continuous disruption, accumulation more than 5 days in a month may lead to license suspension and subsequent license termination.

	SCOPE	MEASUREMENT / INSTRUMENT	PENALTY
2.	To ensure minimal downtime of Inspection Lane - to avoid service disruption and ensure high quality of services to customer, and to ensure sustainability of services.	<p>(i) To monitor, record downtime and any failure of any inspection lane.</p> <p>(ii) Ensure timely recovery from any downtime or inspection lane failure.</p> <p>Mechanism: Measured by Licensee-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dedicated record (automatic system, or filing); • Through automation/system, downtime occurrences reported to JPJ directly. • Record to be submitted to JPJ monthly (raw data in softcopy and summary of the result in hardcopy); <p>Assessment:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Audit by JPJ, verify downtime record in real-time for all centre/MTS; • Periodical audit by MIROS. <p>Instrument: Maintenance records for all equipment</p>	<p>For each lane:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM500 of more than 8 working hours. • Additional RM500 for every 1-working hour continuous delay for each lane • Continuous disruption, accumulation more than 5 days in a month may led to license suspension and subsequent license termination.

	SCOPE	MEASUREMENT / INSTRUMENT	PENALTY
3.	To ensure the reliability and accuracy of all inspection equipment.	<p>Compliance to calibration and maintenance schedule for each equipment.</p> <p>Mechanism:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Accredited body to calibrate equipment subject to requirement – monitored by Licensee. • Relevant equipment to be maintained according to OEM manual/requirements/specification. • Calibration/Maintenance record to be stored in the management system. <p>Assessment:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Audit by JPJ. • Periodical audit by MIROS. <p>Instrument: Maintenance/ calibration records, Internal and External audit reports.</p> <p>NOTE: Applicable for mandatory equipment which need scheduled calibration.</p>	<p>For every violation:</p> <p>RM10,000 for each equipment per schedule (calibration and maintenance).</p>

	SCOPE	MEASUREMENT / INSTRUMENT	PENALTY
4.	To ensure inspection service provided to customer are according to specified time, conducted in high quality, efficient and effective manner.	<p>Client charter : Inspection Time per Vehicle, calculated from the time the vehicle enters the PPKM to the time when the result of inspection produced by the system, according to duration specified below:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Initial Inspection: 8 hr; (ii) Routine inspection : 1 hr; (iii) Any Re-Inspection : 1 hr. (iv) Special Inspection : 1 hr; (v) change ownership Inspection : 1 hr; (vi) Accident Inspection : 3 working days. <p>At every centre, 95% of vehicles must be inspected within the client charter above, per category.</p> <p>Mechanism:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Inspection record stored in the system (monthly). • 95% of vehicles per category per month. <p>Assessment:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Audit by JPJ. • Periodical audit by MIROS. <p>Instrument:</p> <p>Inspection records (system generated), Internal and External audit reports.</p>	In the event of failing to achieve a compliance rate of 95% per center/inspection category, a penalty of RM5,000 per center.

	SCOPE	MEASUREMENT / INSTRUMENT	PENALTY
5.	Service performance : To ensure customer satisfaction, where all complaints and suggestions are recorded, attended and resolved.	<p>(i) ISO9001:2015 [Quality management systems Requirements] must be achieved/received by Licensee in 1 year after licence approved.</p> <p>(ii) Number of complaints (daily/weekly/monthly/yearly) and time to be attended and resolved.</p> <p>Mechanism:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Planning and progress reports for the ISO implementation to be submitted annually to JPJ, • Report recorded and generated by system. • Each complaint must be attended/responded in 1 working day, and resolved in 7 working days. <p>Assessment:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Periodical audit by MIROS. <p>Instrument: Records (system generated), Internal and External audit reports.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • RM500 for any complaints not attended in 1 working day. • RM1,000 for any complaints not resolved in 7 working days. • RM5,000 penalty if ISO certification not received in the period specified, and may lead to suspension and termination of license if not achieved after additional time given (subject to consideration/discretion by MOT).

	SCOPE	MEASUREMENT / INSTRUMENT	PENALTY
6.	<p>Compliance to ISO/IEC 17020:2012 [Conformity assessment Requirements for the operation of various types of bodies performing inspection] - General criteria for the operation of various types of bodies performing inspection).</p>	<p>All Licensee (all inspection centres) must be received/accredited and fulfilled ISO17020:2012* criteria.</p> <p>Mechanism:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 2 years given to achieve certification after date of approved license. • Planning and progress reports for the ISO implementation to be submitted annually to JPJ. <p>Assessment:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Audit by JPJ. • Periodical audit by MIROS. <p>Instrument: Report to JPJ.</p>	<p>RM5,000 penalty if ISO certification is not received in the period specified, and may lead to suspension and termination of license if not achieved/accredited after additional time given (subject to consideration/discretion by MOT).</p>

	SCOPE	MEASUREMENT / INSTRUMENT	PENALTY
7.	To ensure roadworthy of vehicles on the road - vehicles operating on roads are safe and reliable (Technical Performance).	<p>(i) Sampling (random re-evaluation of every 25 vehicles, selected randomly by system).</p> <p>(ii) Selected vehicle to undergo re-test, re-evaluated by quality supervisor.</p> <p>Mechanism:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Re-evaluation of randomly selected vehicles. <p>Assessment:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Report submitted to JPJ by system • Audit by JPJ. <p>Instrument:</p> <p>Inspection records (system generated), Internal and External audit reports.</p>	<p>Penalty:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM1,000 for each inconsistency of result by JPJ audit. • Accumulation of 5 cases per day/week, may result in suspension of license. • Accumulation of 10 cases per day/week, may result in termination of license.

	SCOPE	MEASUREMENT / INSTRUMENT	PENALTY
8.	Performance of internal technical audit by Licensee: To ensure vehicles are safe and reliable (Technical Performance).	<p>Measured by non-conformity to any inspection standard/procedures and to the check list by JPJ.</p> <p>Mechanism: At least once a month, technical audit by Licensee, report to be submitted to JPJ.</p> <p>Assessment:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Report submitted to JPJ by system • Audit by JPJ monthly/weekly. <p>Instrument: Report submitted to JPJ.</p>	RM1,000 for each violation discovered by JPJ.
9.	To ensure data and information submitted to JPJ in time and format specified.	<p>Measured by non-conformity to standard set by JPJ.</p> <p>Mechanism: Recorded in the system.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Time for report to be submitted to JPJ-HQ : maximum 1 hour; ▪ Mobile unit: Time for report to be submitted to JPJ-HQ : maximum 12 hours; ▪ Visiting sites/manual: Time for report to be submitted to JPJ-HQ : maximum 24 hours. ▪ 95% of the time, data submitted within specified time period. <p>Assessment:</p>	In the event of failing to achieve a compliance rate of 95%, a penalty of RM5,000 / month / center.

	SCOPE	MEASUREMENT / INSTRUMENT	PENALTY
		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Report submitted to JPJ by system ▪ Audit by JPJ monthly/weekly. <p>Instrument: System generated report to be submitted to JPJ.</p>	
10.	To ensure the integrity of the inspection data and information submitted to JPJ.	<p>(i) Measured by non-conformity to standard set by JPJ - comparison of actual against submitted data.</p> <p>(ii) Achieved <i>MS ISO 27001: 2022* Information security, cybersecurity and privacy protection Information security management systems Requirements</i> certification. Must be achieved/received by Licensee in 1 year after licence approved.</p> <p>Mechanism:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Recorded in the system and actual inspection data. • Planning and progress reports for the ISO implementation to be submitted annually to JPJ. <p>Assessment:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Report submitted to JPJ by system • Audit by JPJ-TD monthly/weekly. <p>Instrument:</p> <ul style="list-style-type: none"> • System generated report to be submitted to JPJ. • Physical record stored at location. 	<ul style="list-style-type: none"> • RM10,000 for each violation discovered by JPJ. • RM5,000 penalty if ISO certification is not received in the period specified, and may lead to suspension and termination of license if not achieved after additional time given (subject to consideration/discretion by MOT).

	SCOPE	MEASUREMENT / INSTRUMENT	PENALTY
11.	To ensure service centres are conducive and safe for employee and customers.	<p>Number of health and safety incidence occurred at centres and reported by the victim.</p> <p>Mechanism:</p> <ul style="list-style-type: none"> Recorded by the Licenses; Complaints by the public. <p>Assessment:</p> <ul style="list-style-type: none"> Monthly report submitted to JPJ. Report by external sources and by relevant authorities – aduan pelanggan. Audit by JPJ monthly/weekly. Periodical audit by MIROS. <p>Instrument:</p> <p>Monthly operational report to be submitted to JPJ.</p>	<p>RM500 for each medium and major incident, as per OSHA guidelines</p>
12.	To ensure Licensee conduct operation per licensing condition, criteria, Rules, SOP, equipment maintenance schedule and all other instructions by MOT and JPJ.	<p>Number of violations for any of the offences stipulated in the License.</p> <p>Mechanism:</p> <p>Recorded by JPJ and/or MIROS.</p> <p>Assessment:</p> <ul style="list-style-type: none"> Report by external sources and by relevant authorities. Audit by JPJ and/or MIROS. 	<ul style="list-style-type: none"> RM500 for each violation and first warning. Accumulation of RM1,000 penalty - suspension of License for 3 months. Accumulation of RM5,000 - suspension of License for 6 months. Accumulation of RM10,000 - may lead to termination of License.

	SCOPE	MEASUREMENT / INSTRUMENT	PENALTY
		Instrument: Audit / inspections / enforcement / reports by public.	
13.	Payment of License Fee (including Fee for centres).	Payment to be made before 31 st January of each year. Mechanism: Recorded by JPJ. Assessment: <ul style="list-style-type: none"> • Audit by JPJ. Instrument: System generated and audit by JPJ.	RM1,000 for each day of late payment.

LAMPIRAN G : SYARAT FASA PEMBANGUNAN, TEMPOH KERJA, PEMATUHAN PRA-SYARAT DAN SKOP KERJA FIZIKAL

1. Mana-mana pemohon yang telah melepasi saringan awal dan telah diberikan kelulusan bersyarat adalah diwajibkan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan prosidur yang berkuatkuasa dan yang telah ditetapkan oleh mana-mana pihak berkuasa dan jabatan teknikal termasuk Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam fasa pembinaan PPKM.
2. Mana-mana pemohon yang berjaya melepasi tahap saringan oleh JPJ dan telah dikeluarkan suatu surat kelulusan bersyarat, akan diperuntukkan tempoh masa sehingga **24 bulan** untuk memuktamadkan semua proses pembangunan, perolehan peralatan, pelantikan tenaga manusia dan lain-lain yang berkaitannya. Namun, semua proses pembinaan termasuk pembangunan dan integrasi sistem terlibat hendaklah bermula dalam tempoh masa **12 bulan** daripada tarikh surat kelulusan bersyarat yang akan dikeluarkan oleh pihak MOT.
3. Pemohon yang disenarai pendek hendaklah mengadakan lawatan tapak ke semua lokasi cadangan untuk semakan pra-syarat penetapan dan kesesuaian lokasi PPKM oleh pihak MOT dan JPJ. Semua kos lawatan dan pemeriksaan tapak adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemohon, termasuk semua kos logistik dan pengangkutan.
4. Sekiranya tapak lokasi asal yang dicadangkan oleh pemohon adalah tidak bersesuaian dan tidak diterima oleh pihak MOT dan JPJ, maka pihak pemohon dikehendaki mengemukakan cadangan lokasi gantian dalam tempoh masa **30 hari** dari tarikh pemeriksaan.
5. Setelah semua proses pembangunan selesai dan sedia untuk beroperasi, pihak JPJ akan menjalankan aktiviti pemeriksaan dan akan mentauliahkan setiap satu PPKM sebagai sedia untuk beroperasi berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pentauliahan adalah dalam bentuk pengeluaran Sijil PPKM. Pemegang lesen hendaklah menjelaskan fi kelulusan bagi setiap PPKM yang ditauliahkan.
6. Seterusnya, MOT akan hanya mengeluarkan Lesen yang memberi kuasa kepada pihak pemohon untuk menjalankan fungsi pegawai pengangkutan jalan dalam skop pemeriksaan kenderaan motor terlibat setelah setiap pusat (termasuk semua SOP, sistem) telah ditauliahkan boleh mula beroperasi oleh JPJ dengan kenaan fi bagi setiap PPKM mengikut kadar yang ditetapkan.
7. Sekiranya pihak pemohon masih gagal menyiapkan semua proses terlibat melangkaui tempoh masa ditetapkan, MOT akan membatalkan pelantikan dan kelulusan prinsip / bersyarat kepada pihak pemohon. Semua implikasi kewangan dan kerugian akan ditanggung oleh pihak pemohon sepenuhnya.

8. Rekabentuk PPKM termasuk lorong-lorong pemeriksaan dan pemasangan peralatan pemeriksaan hendaklah memenuhi standard tertinggi yang telah ditetapkan oleh pembekal asal peralatan pemeriksaan dan disahkan bersesuaian oleh JPJ.
9. Pihak pemohon perlu memastikan rekabentuk, pembekalan, pemasangan, pengujian dan pentaulihan peralatan pemeriksaan kenderaan motor adalah mengikut prosidur dan standard yang ditetapkan oleh pembekal peralatan asal.
10. Sebarang kerja-kerja berkaitan utiliti termasuklah kerja-kerja elektrik hendaklah merujuk dan mendapatkan kelulusan pihak berkuasa berkaitan utiliti terbabit.
11. Sekiranya berkaitan, pemohon perlu menyediakan dan melaksanakan Pelan Pengurusan Lalulintas *Traffic Management Plan* (TMP) yang disahkan oleh perunding TMP yang bertauliah dan mendapat kelulusan PBT.
12. Pemegang lesen hendaklah memastikan semua laluan keluar dan masuk ke PPKM yang melibatkan laluan awam sentiasa diselenggara serta berada dalam keadaan yang memuaskan dan sebarang pembaikan laluan tersebut adalah di bawah tanggungan pemegang lesen sepenuhnya.
13. Pemohon hendaklah mencadangkan kaedah rawatan pemulihan struktur jalan sedia ada bagi lokasi kritikal atau lemah sekiranya ada, di mana kaedah rawatan biasa tidak bersesuaian bagi membolehkan pembinaan jalan turapan tegar dilaksanakan, bagi laluan-laluan keluar dan masuk ke dalam PPKM. Perkara ini bagi mengelakkan berlakunya kesesakan di laluan masuk dan keluar ke PPKM.
14. Semua rekabentuk hendaklah mengikut edisi terkini piawaian dan Garis Panduan Rekabentuk JKR, *Malaysia Standard*, *British Standard* atau *Eurocodes* edisi terkini.
15. Pihak pemohon perlu memohon bekalan elektrik daripada TNB dan memastikan bekalan elektrik dibekalkan di lokasi PPKM yang terlibat. Pemohon perlu merekabentuk, membekal, memasang, menguji dan mentauliah kerja pendawaian elektrik dan peralatan elektrik yang terlibat dengan projek ini.
16. Pemohon hendaklah merekabentuk dan menyediakan sistem sokongan bekalan kuasa elektrik bagi memastikan sistem dan peralatan pemeriksaan kenderaan motor boleh berfungsi tanpa sebarang gangguan.
17. Pemohon berjaya, sekiranya tiada mempunyai mana-mana persijilan tahap kualiti pada waktu mengemukakan tawaran, wajib memperolehi persijilan terbabit dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Lesen yang telah diberikan boleh digantung atau

dibatalkan sekiranya pihak pemohon gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan. Persijilan yang dimaksudkan adalah merujuk kepada Lampiran D6.

Pelaksanaan Sesi *Benchmarking* Teknologi dan Peralatan Pemeriksaan Kenderaan Motor

18. Pemohon yang berjaya dilantik wajib melaksanakan satu (1) sesi *benchmarking* berkaitan standard, prosidur, teknologi dan peralatan pemeriksaan yang akan digunakan oleh pemohon di peringkat antarabangsa dengan melibatkan tiga (3) orang pegawai Kerajaan sebelum pelaksanaan projek dengan kos ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemohon sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lesen berkuatkuasa.